



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU)**

ANTARA

**ABS GREENTECH SDN. BHD., LENTIZ EDUCATION GROUP,
PRIVA HORTICULTURE B.V,
POWERPLANTS AUSTRALIA PTY LTD
DAN RIJK ZWAAN**

16 MAC 2022 (RABU)

**DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR,
ARAS 1
MENARA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
KUALA LUMPUR**

SALUTATION

YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian

Yang Berbahagia Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi

Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

ENCIK R.M. RAVICHANDAR

Ketua Pengarah Eksekutif, ABS Greentech Sdn. Bhd.

ENCIK BRAM KOPPERT

Timbalan Presiden, Priva Horticulture

Rakan-rakan media

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin yang dihormati sekalian

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada **pihak penganjur bersama, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan ABS Greentech Sdn. Bhd** kerana menjemput saya untuk menyaksikan **majlis menandatangani MoU antara ABS Greentech Sdn. Bhd. bersama syarikat-syarikat agro-teknologi antarabangsa iaitu Lentiz Education Group, Priva Horticulture, Powerplants Australia dan Rijk Zwaan.**
1. Saya difahamkan, **pemain-pemain industri ini adalah antara yang terkenal dalam bidang pertanian moden peringkat antarabangsa** untuk berkongsi pengalaman dan pendekatan negara dalam terus membangunkan dan menggalakkan penggunaan teknologi yang sesuai khususnya **Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** untuk meningkatkan pemahaman tentang kemampuan sistem dan teknologi pertanian.
2. **IPM juga merupakan salah satu kriteria dalam pensijilan amalan pertanian baik (myGAP) untuk menjamin kualiti dan keselamatan produk pertanian yang dihasilkan.**
3. Saya percaya, **kepakaran dan teknologi yang diperkenalkan daripada kerjasama ini akan lebih menggalakkan lagi penggunaan inovasi dalam sektor pertanian negara dan seterusnya meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pertanian serta mewujudkan peluang pasaran baru bagi hasil pertanian Malaysia.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

4. Berdasarkan kepada maklumat terkini daripada pihak **Food and Agriculture Organization (FAO)**, perosak dan penyakit tanaman telah mengakibatkan kerugian ketara hasil tanaman makanan **sebanyak 20 hingga 40 peratus** dan turut **mencatatkan kerugian dalam perdagangan produk pertanian dunia melebihi 220 bilion USD** atau **bersamaan dengan hampir 1 trilion ringgit setahun**.
5. Di Malaysia sendiri, **pelbagai masalah serangan perosak dan penyakit invasif telah direkodkan saban tahun**. Sejak lima tahun kebelakangan ini, tanaman di Malaysia telah diserang oleh pelbagai jenis perosak invasif yang telah menyebabkan kerugian hampir **10 bilion ringgit** kepada **bukan sahaja hasil tanaman dan perdagangan**, malah mengakibatkan kerajaan terpaksa membelanjakan **lebih 5 juta ringgit untuk aktiviti kawalan dan pemusnahan haiwan perosak di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun ini**.
6. Dengan keadaan semasa ekonomi dunia yang terjejas akibat pandemik COVID-19, pastinya kita **tidak mahu kehilangan hasil pertanian akibat ketidakbolehan pasaran atau kemusnahan hasil pertanian tersebut akibat serangan serangga perosak yang akan memburukkan lagi keadaan ekonomi semasa**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

7. Majlis ini merupakan antara usaha berterusan **MAFI dalam menambahbaik program pengurusan perosak tanaman**, yang merupakan salah satu bidang tumpuan utama di bawah **DAN 2.0 ke arah memastikan sekuriti dan keselamatan makanan negara**.
8. Saya juga dimaklumkan, melalui kerjasama ini, **usahawan khususnya petani muda akan diberi latihan jangka pendek dalam pengurusan tanaman terutamanya melibatkan penggunaan teknologi terkini** bagi aktiviti agronomi dan **program pengurusan perosak yang lebih mesra alam, menjimatkan dan selamat untuk biodiversiti kita**.
9. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memberikan sepenuh sokongan bagi inisiatif** seumpama ini dan mengharapkan **jalinan kerjasama berterusan di antara syarikat, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) terus diperkasa**.
10. Mengakhiri ucapan, saya yakin dan percaya, majlis hari ini menjadi **salah satu bukti komitmen pihak industri dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam melaksanakan pengurusan perosak secara mampan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan** demi memperkukuhkan lagi jaminan Sekuriti Makanan Negara.

Sekian, terima kasih.